

## **NOTIS PEMOTONGAN YURAN BAGI PELAJAR DIBAWAH PEMBIAYAAN PTPTN (IJAZAH DASAR)**

Semua Pelajar Ijazah Dasar di bawah pembiayaan PTPTN,

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar telah menerima wang pembiayaan PTPTN pada 24/8/2017 yang lalu. Jabatan Bendahari telah melakukan penolakan yuran (anggaran) untuk Yuran Pengajian dan jumlah sebenar untuk yuran yang tertunggak (sekiranya ada). Pengemaskinian dalam akaun MYUM pelajar akan dibuat secara berperingkat antara **4 hingga 9 September 2017**.

**Untuk makluman pelajar, potongan yang dibuat adalah untuk anggaran yuran pengajian sahaja dan TIDAK TERMASUK** yuran penginapan semester 1 2017/18.

Anggaran penolakan ini dilakukan berikutan tempoh pendaftaran yang masih berlangsung sehingga 24/9/2017. Sehubungan dengan itu, pelajar dinasihatkan menyemak penyata akaun di MYUM bermula minggu ke-3 Kalendar Akademik bagi semester 1 2017/2018 untuk memastikan Yuran Pengajian telah dicaj. Sila ambil maklum bahawa:

Jika jumlah penolakan PTPTN adalah kurang daripada jumlah yuran sebenar, pelajar dikehendaki menjelaskan baki tunggakan kepada Universiti atau; Jika jumlah penolakan PTPTN adalah melebihi jumlah yuran sebenar, Jabatan Bendahari akan memulangkan wang tersebut kepada pelajar. Pelajar juga dinasihati untuk menjelaskan yuran penginapan dengan kadar segera.

Terima kasih.